

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pelan Kerajaan untuk mewajibkan syarikat-syarikat e-hailing/p-hailing untuk membayar KWSP, PERKESO dan SIP bagi pekerja-pekerja sektor tidak rasmi. Dan apakah pelan Kerajaan untuk mendaftarkan pekerja tidak rasmi di KWSP, PERKESO dan SIP.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini pekerja tidak formal tidak diliputi di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800]. Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menyediakan jaringan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja tidak formal di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789].

Perusahaan e-hailing dan perusahaan penghantaran barangan dan makanan dikehendaki secara mandatori mendaftar dan mencarum di bawah Akta 789 sebagai salah satu pelan memastikan kategori tersebut mempunyai perlindungan sosial. Ini kerana mereka merupakan golongan yang berisiko mengalami kemalangan semasa menjalankan pekerjaan.

Bagi tujuan meningkatkan keberkesanan dan pematuhan terhadap Akta 789, Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO mengadakan kerjasama strategik dengan Kementerian Pengangkutan Malaysia untuk

meletakkan syarat wajib bagi pemohon baharu dan pemohon pembaharuan Lesen Vokasional (PSV kepada e-hailing dan GDL kepada p-hailing) serta pemohon baharu dan pemohon pembaharuan Lesen Pengendali (OL) untuk berdaftar dengan PERKESO di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri.

Mengenai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pula, dalam usaha menarik lebih ramai pekerja sektor tidak formal termasuk pekerja ekonomi gig untuk menyimpan demi persaraan mereka, KWSP telah memperkenalkan program i-Saraan. Ia adalah program caruman sukarela sehingga RM60,000 setahun yang terbuka kepada semua golongan pekerja tidak formal dan mereka yang tiada pendapatan tetap dan berumur kurang daripada 55 tahun. Sebagai insentif, Kerajaan menyumbang 15% daripada caruman ahli, tertakluk kepada amaun maksimum RM250 setahun. Setakat 30 September 2021, seramai 356,000 ahli telah berdaftar di bawah program i-Saraan.

KWSP telah mengambil langkah proaktif mengadakan sesi libat urus dengan syarikat-syarikat penyedia platform. Baru-baru ini, KWSP dan Grab Malaysia telah menandatangani memorandum persefahaman (MOU) bagi menggalakkan komuniti rakan pemandu dan penghantar menabung untuk simpanan persaraan. Mulai 1 September 2021, Grab Malaysia akan memberi insentif tambahan dalam bentuk caruman KWSP kepada rakan pemandu dan penghantar yang mencarum di bawah i-Saraan dan mencapai syarat kelayakan yang telah ditetapkan oleh Grab.

Pada masa yang sama, KWSP juga giat membuat hebahan di media massa dan media sosial dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang awam mengenai program i-Saraan.